


### TIPS PENJAGAAN UNTUK SPC

1. Segera berjumpa Dr sekiranya urin keluar melalui kemaluan (kemungkinan tiub tersumbat).
2. Lakukan cucian pada luka setiap hari dan jangan sapu sebarang ubat, minyak atau losyen pada luka sehingga luka betul-betul sembuh.
3. Sekiranya terdapat keabnormalan pada luka seperti kemerahan, bernanah, berair atau sakit segera berjumpa Doktor.
4. Pusing tiub 360 darjah selepas cuci untuk mengelak dari pelekatan tiub pada kulit.
5. Tiub perlu ditukar setiap 2 minggu sekali jika menggunakan tiub getah (Foley) atau 4-6 minggu utk tiub (silikon).
6. Ikuti cara penjagaan untuk CBD Langkah 1- 8.

### POSISI YANG BOLEH DILAKUKAN BAGI PROSEDUR CISC




### PENJAGAAN UNTUK CISC


1. Amalkan cuci tangan sebelum dan selepas membuang urin.
2. Kosongkan pundi kencing setiap 4 jam bagi mengelakkan komplikasi.
3. Hadkan pengambilan air sebanyak 500mls dalam 4 jam dan kurangkan pengambilan air pada waktu malam.

### Cara-cara CISC

1. Cuci tangan sebelum melakukan CISC.
2. Cuci kemaluan dgn air bersih dan keringkan.
3. Sapukan gel pada tiub kateter utk memudahkan kemasukan dan mengurangkan kesakitan.
4. Masukkan tiub perlahan-lahan hingga urin keluar tunggu hingga urin habis keluar.
5. Setelah selesai, cabut tiub perlahan2, cuci semula kemaluan.
6. Cuci tangan dan semua peralatan, keringkan dan simpan di tempat yang bersih.



# PANDUAN PENJAGAAN BLADDER SELEPAS KECEDERAAN SARAF TUNJANG



**KLINIK PAKAR PERUBATAN REHABILITASI**  
**HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG**

Tel : 3375 7000 samb. 1540




## APA ITU NEUROGENIC BLADDER?

Air kencing dihasilkan oleh buah pinggang dan disimpan di pundi kencing sebelum dikeluarkan. Pusat kawalan pembuangan air kencing terletak di otak dan saraf tunjang. Kecederaan saraf tunjang boleh mengganggu laluan saraf dari otak ke organ yang mengawal pembuangan air kencing.

## MENGAPA PERLU MENGAWAL PEMBUANGAN AIR KENCING?

### Untuk mengelak daripada

- Jangkitan kuman
- Batu karang
- Ureteral fistula
- Hydronephrosis, hydroureter
- Kerosakan buah pinggang



## CARA PENGELUARAN AIR KENCING

### 1. CBD (indwelling catheter)

Tiub kencing dimasukkan terus ke pundi kencing dan disambungkan ke beg urin

### 2. CISC (clean intermittent self catheter)

Pesakit memasukkan sendiri tiub kencing kedalam salur kencing setiap 4-6 jam

### 3. CIC (clean intermittent catheter)


Penjaga memasukkan tiub kencing kedalam salur kencing setiap 4-6jam

### 4. SPC (Suprapubic catheterization)

Tiub catheter dimasukkan dibahagian bawah pusat melalui pembedahan kecil dibahagian bawah pusat

### 5. Condom drainage

Memasang kondom pada bahagian zakar bagi aliran terus kencing ke beg urin.



## TIPS PENJAGAAN UNTUK PENGGUNA CBD

1. Tukar tiub setiap 12 minggu atau segera tukar jika tiub tersumbat atau bag bocor
2. Beg urin digantung dibawah paras pusat, supaya urin dapat mengalir mengikut graviti
3. Lakukan pemerhatian pada urin dari segi warna/bau/keladak (jika ada segera berjumpa DR)
4. Minum air secukupnya (1.5L atau lebih)
5. Pastikan tiub kencing tidak terlipat atau tertindih dan bag tidak mencecah lantai.
6. Kosongkan beg urin apabila  $\frac{3}{4}$  penuh.
7. Pastikan bahagian kemaluan sentiasa bersih dan kering.
8. Lakukan rawatan susulan di klinik berhampiran untuk penukaran tiub
9. Sentiasa "strap catheter" bagi lelaki di bahagian abdomen manakala bagi wanita dibahagian peha.

